

Kerana kami adalah kawan sekerja Tuhan; kamu adalah ladang Tuhan, bangunan Tuhan. Sesuai dengan kasih karunia Tuhan, yang dianugerahkan kepadaku, aku sebagai seorang ahli bangunan yang cakap telah meletakkan dasar, dan orang lain membangun terus di atasnya.

Tetapi tiap-tiap orang harus memperhatikan, bagaimana ia harus membangun di atasnya.

1 Korintus 3: 9-10

November 9, 2025

www.heraldmalaysia.com



# Akhiri perang, lahirkan era baharu — DAMAI

**TAKHTA SUCI:** Sri Paus Leo XIV menyertai pemimpin agama pada Oktober 28 lalu untuk memperingati ulang tahun ke-60, *Nostra Aetate*, deklarasi Gereja mengenai membina hubungan dengan agama bukan Kristian.

Kira-kira 300 wakil agama dan budaya dunia menyertai Bapa Suci untuk perkhidmatan doa ekumenikal malam untuk keamanan yang dianjurkan oleh Komuniti Sant'Egidio dan diadakan di *Colosseum* di Roma.

"Kedamaian ialah perjalanan berterusan untuk perdamaian," kata Bapa Suci Leo seraya mengucapkan terima kasih kepada pemimpin agama kerana berkumpul di Roma.

Beliau berkata pertemuan antara agama mereka menyatakan "keyakinan bersama bahawa doa ialah kuasa yang kuat untuk perdamaian."

"Ini ialah saksi kita: menawarkan khazanah besar kerohanian purba kepada kemanusiaan kontemporari," katanya.

"Kita memerlukan era perdamaian yang benar dan kukuh yang menamatkan penyalahgunaan kuasa, pameran kekuatan, dan sikap tidak peduli terhadap kedaulatan undang-undang," tambahnya.

"Cukuplah perang, dengan segala kesakitan yang ditimbulkannya melalui kematian, kemusnahan, dan pengasingan!"

**Jangan abaikan jeritan orang miskin dan bumi**

Dalam ucapannya, Sri Paus Leo menggesa orang ramai agar tidak bersikap acuh tak acuh terhadap "jeritan orang miskin dan jeritan bumi dalam usaha mereka untuk mencapai keamanan di negara-negara yang terjejas oleh konflik dan ketidakadilan yang berterusan."

"Dalam kuasa doa, dengan tangan diangkat ke langit dan terbuka kepada orang lain, kita mesti memastikan bahawa tempoh sejarah ini, yang ditandai dengan perang dan kesombongannya, akan segera berakhir, melahirkan era baharu," katanya.

Kita tidak boleh membenarkan tempoh ini berterusan. "Ia membentuk minda orang yang terbiasa dengan perang sebagai sebahagian normal daripada sejarah manusia," sambungnya.

Selepas perhimpunan doa di mercu tanda ikonik Roma, Bapa Suci kembali ke Vatikan untuk menyertai perayaan berwarna-warni yang dianjurkan bersama oleh Dikasteri untuk Dialog Antara Agama dan Dikasteri untuk Menggalakkan Perpaduan Kristian.

**Setiap agama menawarkan jalan perdamaian**

Bagi merayakan ulang tahun ke-60 *Nostra Aetate*, beberapa persembahan muzik dan tarian pelbagai budaya telah diadakan di dalam Dewan Audiens Paulus VI Vatikan serta pembentangan yang menyoroti inisiatif kepausan untuk mempromosikan

dialog Gereja dengan agama lain sejak pontifikat Sri Paus Paul VI.

Kemunculan Sri Paus Leo dan ucapan khasnya menjelang akhir perhimpunan dua jam itu menonjolkan penghormatan Gereja terhadap semua orang dan hasratnya untuk bekerjasama dengan orang lain demi kebaikan bersama.

"Kita ialah sebahagian daripada satu keluarga manusia, satu dalam asal-usul, dan satu juga dalam matlamat akhir kita," katanya. Agama di mana-mana cuba untuk menjawab kegelisahan hati manusia.

"Setiap agama dengan cara tersendiri menawarkan ajaran, cara hidup, dan upacara suci yang membantu membimbing pengikut mereka ke arah kedamaian dan makna," katanya.

Menekankan misi bersama yang dikongsi oleh orang dari pelbagai agama untuk "membangkitkan semula" rasa kesucian dalam dunia hari ini, Bapa Suci menggalakkan orang ramai untuk "menghidupkan cinta."

"Kita telah berkumpul di tempat ini dengan memikul tanggungjawab besar sebagai pemimpin agama untuk membawa harapan kepada kemanusiaan yang sering tergodanya oleh keputusan," kata Sri Paus Leo.

**Kehadiran Tuhan menembusi semua sempadan**

"Marilah kita mengingati bahawa doa mempunyai kuasa untuk mengubah hati, kata-kata, tindakan, dan dunia kita," katanya.

Semasa memimpin Audiens Umum hari Rabu pada Oktober 29, Sri Paus Leo juga secara khusus menyampaikan kepada Gereja, menekankan bahawa "*Nostra Aetate* terus menerangi" jalan mereka.

"Deklarasi itu menggesa semua umat Katolik – uskup, paderi, orang yang dikuduskan dan umat awam – untuk melibatkan diri secara ikhlas dalam dialog dan kerjasama dengan pengikut agama lain, mengakui dan mempromosikan semua yang baik, benar dan suci dalam tradisi mereka," kata Sri Paus, menjelaskan bahawa tindakan ini sangat penting kerana hampir di setiap bandar, terdapat orang dari pelbagai latar belakang budaya dan agama.

"*Nostra Aetate* mengingatkan kita bahawa dialog yang sebenar berakar umbi dalam cinta, satu-satunya asas keamanan, keadilan, dan perdamaian, manakala ia menolak sekeras-kerasnya setiap bentuk diskriminasi atau penganiayaan, menegaskan maruah yang sama bagi setiap manusia," kata Sri Paus Leo.

Prelatus itu menggunakan kisah dalam Injil Yohanes, Yesus bercakap dengan wanita Samaria di telaga, yang mengatasi "halangan budaya, jantina, dan agama". Sri Paus menekankan bahawa "pertemuan ini mendedahkan inti pati dialog agama yang tulen", kerana ia menunjukkan "kehadiran Tuhan melampaui semua sempadan dan jemputan untuk mencari-Nya bersama-sama dengan penuh hormat dan kerendahan hati". **Media Vatikan**

# Mazmur sebagai doa

“Tuhan bertindak dalam Mazmur dengan cara yang tidak dibenarkan untuk dilakukan dalam teologi sistematik,” kata kata lucu dari Sebastian Moore itu mungkin disoroti pada masa apabila semakin sedikit orang mahu menggunakan Mazmur sebagai bentuk doa kerana mereka berasa tersinggung disebabkan Mazmur banyak menyebut tentang pembunuhan, dendam, kemarahan, keganasan, peperangan, dan patriarki.

Namun selama berabad-abad, Mazmur telah menjadi pusat kepada doa Yahudi dan Kristian. Mazmur membentuk inti ibadat ilahi (doa Gereja untuk dunia), dinyanyikan dalam ibadat-ibadat harian, didoakan setiap hari oleh berjuta-juta lelaki dan wanita, dan telah didendangkan oleh biarawan selama berabad-abad sebagai sebahagian penting daripada doa mereka.

Mengapa ada penolakan atau bantahan terhadap Mazmur? Ada yang bertanya: “Bagaimana saya boleh berdoa Mazmur kerana ada kata-katanya yang penuh dengan kebencian, kemarahan, keganasan, dan menyebut tentang kemuliaan perang serta menghancurkan musuh dalam nama Tuhan?”

Bagi yang lain, mereka menolak kerana wujud sifat patriarki dalam Mazmur. Manakala sesetengah orang pula meletakkan kesalahan itu pada estetika bahawa “Puisi Mazmur sangat teruk!”

Mungkin Mazmur bukan puisi yang hebat dan, tidak dapat dinafikan ia berbau keganasan, peperangan, kebencian terhadap musuh dengan menggunakan nama Tuhan dan keinginan untuk membalas dendam. Ia juga bersifat patriarki.

Tetapi adakah itu menjadikan Mazmur bahasa yang lemah untuk doa? Tidak!

Salah satu definisi klasik doa ialah ia men-takrifkan bahawa “doa seharusnya mengangkat minda dan hati kepada Tuhan.” Definisi ini ringkas, jelas, tepat.

Masalahnya, kita jarang memberitahu

minda kita yang sebenarnya semasa kita berdoa. Daripada mengangkat apa yang sebenarnya ada dalam fikiran dan hati kita kepada Tuhan, kita melayan Tuhan seolah-olah Dia akan “tercemar” jika kita memberitahu apa sebenarnya dalam hati dan minda kita.

Daripada mencurahkan minda dan hati, kita memberitahu Tuhan apa yang kita fikir Tuhan mahu dengar. Kita memikirkan Tuhan pasti tidak mahu mendengar keluhan kita yang mahu membunuh, keinginan untuk membalas dendam atau kekecewaan kita terhadap-Nya.

Apa yang menjadikan Mazmur begitu sesuai untuk doa ialah ia tidak menyembunyikan kebenaran daripada Tuhan dan ia meluahkan seluruh spektrum perasaan sebenarnya si pendoa.

Mazmur memberikan suara yang jujur kepada apa yang sebenarnya berlaku dalam minda dan hati si pendoa.

Kadang-kadang semasa emosi kita baik, kita terdorong secara spontan untuk mengucapkan kata-kata pujian dan kesyukuran. Mazmur memberikan kita suara itu. Mazmur bercakap tentang kebaikan Tuhan – kasih sayang, kawan, iman, kesihatan, makanan, wain, keseronokan.

Tetapi kita tidak selalu berasa gembira. Kehidupan kita juga mempunyai musim dingin, sunyi, kecewa dan pahit.

Mazmur juga memberi kita suara yang jujur dan kita boleh meluahkan semua perasaan marah itu kepada Tuhan.

Pada masa lain, kita dipenuhi dengan rasa ketidakcukupan diri, hakikat pahit bahawa kita tidak dapat memenuhi kepercayaan dan kasih sayang yang diberikan kepada kita.

Mazmur dapat memberi kita suara untuk ini, meminta Tuhan untuk mengasihani, melembutkan hati kita, membersihkan kita, memberi kita permulaan yang baharu.

Dan kemudian, ada kalanya kita berasa kecewa dengan Tuhan dan perlu dalam beberapa cara untuk meluahkan perasaan ini.



Mazmur membantu kita untuk menyatakan kekecewaan itu (Mengapa Engkau begitu senyap? Mengapa Engkau begitu jauh daripada ku?).

Pada masa yang sama, Mazmur menyedarkan kita bahawa Tuhan tidak takut dengan kemarahan dan kata-kata kepehitan kita, sebaliknya, seperti ibu bapa yang penyayang, Dia mahu kita datang dan bercakap jujur mengenainya.

Mazmur adalah wadah istimewa untuk berdoa kerana ia mengangkat seluruh rangkaian pemikiran dan perasaan kita yang jujur kepada Tuhan.

Tetapi kita cenderung untuk bergelut dengan perkara itu. Pertama, kerana zaman kita sering gagal memahami metafora dan mengambilnya secara harfiah serta tidak memahami sesetengah imej dalam mazmur yang dianggap menyinggung perasaan.

Kedua, kita sering menafikan perasaan sebenar kita. Kita sering kali sukar untuk mengakui bahawa kita adakalanya berasa beberapa perkara seperti keangkuhan, obsesi seksual, cemburu, keinginan untuk membalas dendam, fikiran membunuh.

Terlalu kerap doa kita tidak selaras dengan pemikiran dan perasaan sebenar kita dan mengucapkan kata-kata yang kita fikir Tuhan

mahu dengar. Sedangkan Mazmur mempunyai kejujuran sangat mendalam.

Seperti yang dikatakan oleh Kathleen Norris: Untuk berdoa secara tetap “tiada cara yang sempurna.”

Anda tidak akan sentiasa duduk tegak, apatah lagi berfikir suci. Kamu tidak akan memakai pakaian terbaik kamu tetapi ada banyak jenis pakaian dalam bakul cucian anda.

Anda datang dengan buku pujian yang hebat dalam Alkitab, mengalami semua emosi dan keadaan kehidupan, dan walaupun anda berasa seperti neraka, anda tetap menyanyi.

Secara mengejutkan, anda mendapati bahawa Mazmur tidak menafikan perasaan sebenar anda tetapi membolehkan anda merenungkannya, tepat di hadapan Tuhan dan semua orang.

Ucapan-ucapan yang baik untuk doa sebenarnya tidak dapat menggantikan realisme duniawi Mazmur yang menyatakan perasaan kita dengan jujur pada masa-masa tertentu. Sesiapa sahaja yang mengangkat minda dan hati kepada Tuhan tanpa pernah menyebut perasaan pahit, cemburu, dendam, benci, dan perang, lebih sesuai menulis kad ucapan daripada memberikan nasihat rohani!

**Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

## Runtuhkan dosa, bangkit semula bersama Kristus

Hari ini kita merayakan Pesta Pemberkatan Basilika Sto Yohanes Lateran di Roma, yang merupakan Gereja Katedral Sri Paus sebagai Uskup Keuskupan Agung Roma.

Basilika Sto Yohanes Lateran ini didirikan pada pemerintahan Kaisar Konstantin dan diberkati oleh Sri Paus Silvester tahun 324. Sesudah Basilika Sto Yohanes Lateran, barulah Basilika Sto Petrus didirikan di Vatikan.

Marilah dalam perayaan Ekaristi ini kita merenungkan apa makna pesta pemberkatan Gereja Basilika Sto Yohanes Lateran itu bagi kita sekarang ini, dengan berpegang kepada Surat Paulus kepada umat di Korintus dan Injil Yohannes.

Keempat-empat Injil (Yoh, Mat, Mrk, Luk) ada menceritakan pembersihan Bait Tuhan di Yerusalem oleh Yesus.

Injil Yohanes membicarakan peristiwa ini pada awal Injilnya, sedangkan ketiga-tiga Injil lain menceritakannya menjelang masa akhir karya Yesus. Mengapa?

Yohanes mahu menekankan, bahawa sejak awal Yesus mengajak orang mengarahkan perhatiannya kepada Bait Tuhan, yang sebenarnya dan didirikan oleh Tuhan sendiri, iaitu diri-Nya sendiri yang dibangkitkan Tuhan.

Sedangkan tiga Injil lainnya mahu menekankan perbezaan dan kontras antara Bait Tuhan yang “palsu”, “samar” dan Bait Tuhan sejati, iaitu yang akan dibangun kembali dalam tiga hari, sesudah kebangki-

tan-Nya. Bait Tuhan manusiawi dan Bait Tuhan ilahi.

Sekarang, marilah kita menghubungkan Injil Yohanes dengan surat Paulus kepada umat di Korintus. Yohanes memberi pesan tentang Bait Tuhan yang adalah Yesus Kristus yang bangkit, sedangkan Paulus mengatakan, orang-orang yang sudah dibaptis juga adalah bait Tuhan.

Paulus mengatakan bahawa orang-orang yang percaya dan dibaptis ibaratnya adalah sebagai suatu ladang dan bangunan yang dibangun untuk Tuhan.

Ladang diharapkan memberi hasil yang baik. Dan bangunan diharapkan kukuh dan sungguh layak didiami oleh Tuhan. Apakah ini mungkin? Menurut Paulus mungkin, sebab kekuatan “bangunan” itu ialah orang-orang yang dibaptis, adalah Kristus sendiri!

Dengan demikian setiap orang yang dibaptis, dan juga komuniti orang-orang yang dibaptis itu (dan sebagai keseluruhan iaitu Gereja) tetap berdiri tegak dan berkembang, apabila tetap bertumpu pada Kristus.

Dengan demikian Roh Kristus dapat hadir di dalam komuniti tersebut. Suasana dan iklim dalam Gereja serupa itu akan tenang, penuh damai dan bukan merupakan pertentangan atau ketidak-teraturan dalam Bait Tuhan seperti digambarkan dalam Injil Yohanes hari ini.

Bait Tuhan itu di Yerusalem menjadi tempat perbuatan atau tindakan yang berten-

angan dengan tujuan pembangunannya.

Pesan yang mahu disampaikan Injil Yohanes kepada kita merupakan dasar pesan Paulus kepada umat di Korintus. Paulus berkata, “Tidak ada seorang pun yang dapat meletakkan dasar lain daripada dasar yang telah diletakkan, iaitu Yesus Kristus. Tidak tahukah kamu bahawa kamu adalah bait Tuhan, dan bahawa Roh Tuhan diam di dalam kamu?”

Yesus mahu menegaskan, bahawa kita memang memerlukan tempat doa (bait Tuhan, Gereja), yang harus dibangun dengan baik, dipelihara dan digunakan sesuai dengan tujuannya.

Tetapi bangunan-bangunan itu, biarpun kuat dan indah, ia tidak kekal dan akan runtuh. Bait Tuhan yang kekal dan tidak akan runtuh ialah Bait Tuhan yang dibangun oleh setiap umat apabila mereka sanggup memperkuat diri, rela, bersedia dan berani bangkit kembali.

Ini bererti kita harus berusaha sekuat tenaga membangun diri kita sebagai Bait Tuhan sejati: iaitu dengan hidup, sikap, perilaku dan perbuatan yang suci, ertinya hidup sungguh sesuai dengan bimbingan dan dorongan Roh Kristus yang hidup dalam diri kita sebagai orang Kristian sejati.

Memperingati pemberkatan Basilika Lateran di Roma, kita diajak untuk membangun diri kita sebagai Bait Tuhan yang berdiri pada dasar kukuh, yang tidak akan roboh iaitu Yesus Kristus sendiri. Melalui pembaptisan, kita dibangun menjadi bait

### PESTA PEMBERKATAN BASILIKA STO YOHANES LATERAN

KELUARAN 47:1-2.8-9, 12  
1 KORINTUS 3:9-11, 16-17  
INJIL YOHANES 2:13-22



Tuhan.

Kristus dan Roh-Nyalah yang hadir di dalam diri kita sebagai Bait-Nya. Bila diri kita tidak dipelihara dengan baik maka Bait Tuhan ini juga tidak dapat berfungsi.

Untuk membangunkannya kembali, kita harus berani dihancurkan (dosa) dan dibangun kembali oleh Kristus, khususnya melalui sakramen-sakramen yang tersedia dalam Gereja.

Diri kita sebagai Bait Tuhan hanya dapat dibangun kembali, apabila peribadi kita juga bersedia dibangkitkan kembali! **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**

# Gereja Kristus Raja, berkenalan dengan CCR



SUNGAI PETANI, Kedah: Gereja Kristus Raja, Sungai Petani, menjadi saksi kepada satu lagi langkah rohani yang penuh berkat apabila seramai 45 orang peserta telah mengambil bahagian dalam ceramah Pengenalan Pembaharuan Karismatik Katolik (CCR) yang disampaikan oleh CHARIS Penang Diocese Service of Communion (CPDSC).

Program ini bukan sekadar ceramah, tetapi juga pertemuan iman yang mempertemukan umat dari pelbagai latar belakang — bukan sahaja dari sekitar paroki Sungai Petani, malah turut disertai oleh umat asal Sabah, Sarawak dan Indonesia yang kini bertugas serta melayani di Gereja tersebut.

Perbezaan asal usul tidak menjadi batas, sebaliknya menjadi keindahan tubuh Kristus yang satu dalam Roh Kudus.

Sesi ceramah disampaikan oleh pasukan dari CHARIS Penang, yang diketuai oleh Adeline Teh, Leoreen, dan Stephen Rodrigues.

Mereka memperkenalkan CHARIS (*Catholic Charismatic Renewal International Service*), peranan dan visi pelayanan Pembaharuan Karismatik Katolik — sebuah gerakan Katolik yang membantu umat mengalami perjumpaan peribadi dengan Yesus Kristus.

Para peserta juga didedahkan kepada pelbagai aspek penting tentang pembaharuan karismatik seperti karunia Roh, kehidupan doa yang berapi dalam Roh Kudus, serta peranan umat awam dalam pelayanan gereja masa kini.

Mereka juga mengemukakan pelbagai persoalan tentang pelayanan ini semasa sesi Soal Jawab, yang memperlihatkan mi-

nat dan kehausan mereka untuk mengenal lebih akan karya Roh Kudus.

Salah seorang ahli jawatankuasa pelaksana, Gabriel Jimrynn, menyatakan harapannya agar semua ilmu yang diterima dalam sesi ini tidak berhenti di sini sahaja, tetapi dapat dijadikan benih bagi pembentukan Pelayanan Pembaharuan Karismatik Katolik di Paroki Kristus Raja Sungai Petani pada masa yang akan datang.

Beliau juga mengungkapkan penghargaan kepada paderi paroki, Fr Victor Louis, atas sokongan dan dorongan beliau ke atas program rohani tersebut.

Program itu diakhiri dengan doa syukur dan pujian kepada Tuhan. Semoga api pembaharuan ini terus menyala dan menjadi inspirasi kepada umat untuk melayani kerajaan Tuhan. **Aveil Olga**

# Rekoleksi Katekis Pelbagai Upacara Doa (KPUD) bina keyakinan diri

MEMBAKUT: Komiti Katekis Paroki St Patrick telah menganjurkan rekoleksi Pembaharuan Komitmen Dan Pengutusan Baharu bagi Katekis pelbagai upacara doa (KPUD) di Dewan Tertutup St Patrick pada Oktober 22 lalu.

Rekoleksi ini bertujuan untuk memperbaharui komitmen para katekis di Membakut di samping mengukuhkan dedikasi para katekis pemimpin dalam me-layani umat.

Program yang disertai seramai 68 orang katekis itu melibatkan “Pembaharuan dan Pengutusan bagi Katekis yang lama dan yang baharu” yang diadakan semasa Misa Kudus. Katekis Elvis Lawrence menyampaikan sesi utama yang mengenai apa itu pelbagai upacara doa serta berpeluang untuk memahirkan diri

dalam menyediakan dan memimpin upacara doa.

Semasa memimpin upacara pengutusan dalam Misa Kudus, paderi paroki Membakut, Fr Boniface Kimsin mengingatkan setiap peserta untuk menjalankan tugas kesungguhan dan kesatuan demi membantu paderi untuk menjangkau umat melalui pelayanan Doa dan Pemberkatan.

Dalam ucapannya, Pengerusi komiti Katekis Paroki St Patrick Membakut, Katekis Elvis Lawrence berharap semua katekis yang baharu menerima pengutusan, hidup sesuai dengan kehendak Tuhan atau hidup dalam Roh, belajar membahagikan masa antara keluarga dan pelayanan, serta menghidupi Sabda Tuhan melalui perkataan dan perbuatan. **Peter Paulus**



# Zon Liau rai dua paderi, dua rohaniwati

KENINGAU: Umat di Zon Liau meraikan dua orang paderi dan dua orang biarawati, dalam sebuah majlis di Zon Liau.

Majlis itu diadakan di Gereja St Fabianus, Kampung Tonobon Baru pada Oktober 19 lalu.

Mereka yang diraikan ialah Fr Lazarous Uhin yang menyambut ulang tahun imamat ke-29, Fr Harry Dorisoh — menyambut ulang tahun imamat ke-10, Sr Patricia Limun FSIC yang menyambut ulang tahun religius ke-31 dan Sr Sister Selverina Regina, P. Karm — menyambut ulang tahun religius ke-21.

Misa dipimpin oleh Fr Lazarous dan Fr Henry. Selepas Misa, diadakan sesi ucapan yang dimulakan oleh Pengerusi Penganjur.

Beliau berterima kasih atas kerjasama semua pihak dan berharap ada belia dari Gereja St Fabianus dapat menjadi paderi dan religius.

Fr Harry Dorisoh dalam uca-



panya berterima kasih kepada Zon Liau kerana tidak pernah gagal meraikan ulang tahun imamat beliau.

Sr Selverina Regina berkongsi kesyukuran dan kenangan rohaninya, “Saya sangat bersyukur atas usaha penganjur, terutama doa trihari yang diadakan men-

jelang perayaan ini. Benih iman saya bermula daripada datuk saya, dan menariknya, nama Gereja Sto Fabianus juga diambil daripada gelaran beliau. Semoga lebih banyak benih iman bertunas dalam keluarga kita.”

“Selama 31 tahun sebagai religius, saya melihat betapa

kehidupan religius masih sangat relevan dalam dunia masa kini,” kata Sr Patricia dalam ucapannya.

Fr Lazarous Uhin menutup sesi ucapan dengan mengatakan, dengan sediki kenangan, “Saya berterima kasih atas penganjuran ini. Pelayanan saya bermu-

la sebagai altar boy, kemudian aktif dalam belia dan *Legion of Mary*. Semua pengalaman itu menyumbang kepada panggilan saya hingga ke hari ini.”

Selepas Misa, majlis diteruskan dengan pemotongan kek oleh para paderi dan religius, diiringi ibu bapa mereka serta para katekis Zon Liau.

Seterusnya diadakan penyampaian hadiah penghargaan kepada para paderi dan religius oleh pengerusi-pengerusi KUK di Zon Liau, disusuli dengan persembahan khas daripada setiap komuniti. Kemeriah majlis dilengkapkan dengan cabutan bertuah yang menceriakan suasana persaudaraan umat.

Sebagai penutup, diumumkan bahawa Gereja St Francis, Tagai akan menjadi tuan rumah Zon Liau sempena perayaan Ulang Tahun Kepaderian dan Religius pada tahun hadapan. **Sherlie Nana**



# Komuni pertama, langkah signifikan perjalanan iman seorang kanak-kanak

KOTA KINABALU: Pada Oktober 25 dan 26, 2025, seramai 300 orang pelajar dari Sekolah Minggu — terdiri daripada 194 pelajar Inggeris dan 105 pelajar bahasa Melayu — dengan sukacitanya menerima Sakramen Komuni Kudus Pertama semasa Misa Senja dan Misa Hari Minggu di Katedral Hati Kudus,

Karamuning.

Misa Senja dipimpin oleh paderi paroki Fr Paul Lo, dengan Fr Terans Thaddeus sebagai pembantu selebran.

Sementara itu, Fr Terans Thaddeus memimpin Misa Kudus Hari Minggu bersama Fr Rudolf.

Kedua-dua paderi mengucapkan

tahniah kepada semua kanak-kanak yang telah menerima Yesus dalam Ekaristi Kudus buat kali pertama!

Komuni Pertama bukan hanya sekadar ritual, tetapi juga merupakan langkah awal yang penting dalam perjalanan iman seorang anak dalam komuniti Katolik. **Simon Yohanes**

# Sahabat kecil Yesus

Isikan tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul.

Injil Yohanes 2: 13-22

Ketika hari raya \_\_\_\_\_ orang \_\_\_\_\_ sudah dekat, Yesus berangkat ke \_\_\_\_\_.

(1)

tanda berhak Paskah Yahudi diterbalikkan merpati jangan berjualan

Dalam Bait Suci didapati-Nya

\_\_\_\_\_ - \_\_\_\_\_  
lembu, kambing domba dan merpati, dan \_\_\_\_\_ - \_\_\_\_\_  
wang duduk di situ

(2)

Dia membuat cambuk dari tali lalu mengusir mereka semua dari Bait Suci

dengan semua \_\_\_\_\_ dan lembu mereka; wang penukar-penukar dihamburkan-Nya ke tanah dan meja-meja mereka \_\_\_\_\_ -Nya

(3)

tiga bait mendirikan Yerusalem pedagang-pedagang kambing domba penukar-penukar Bapa tunjukkan



Kepada pedagang-pedagang \_\_\_\_\_ Dia berkata, "Ambil semuanya ini dari sini, \_\_\_\_\_ kamu membuat rumah \_\_\_\_\_ -Ku menjadi tempat \_\_\_\_\_."


Orang-orang Yahudi menentang Yesus, katanya: "\_\_\_\_\_ apakah dapat Engkau \_\_\_\_\_ kepada kami, bahawa Engkau \_\_\_\_\_ bertindak demikian?"

Jawab Yesus kepada mereka: "Rombak \_\_\_\_\_ Tuhan ini, dan dalam \_\_\_\_\_ hari Aku akan \_\_\_\_\_ kembali."

Anak-anak yang dikasihi,  
Adakah adik-adik selesa beribadat di Gereja yang kotor dan busuk? Pasti adik-adik tidak mahu ke Gereja jika Gereja itu kotor, bising dan tidak selamat. Inilah yang terjadi kepada Yesus apabila Dia ke Bait Suci di Yerusalem. Apa yang Yesus lihat pada ketika bukanlah suasana umat yang sedang beribadat tetapi kawasan Bait Tuhan yang dipenuhi orang-orang menjual lembu, biri-biri, dan burung merpati untuk digunakan sebagai korban di rumah ibadat. Malah, beberapa pedagang juga memasang meja malah mengenakan bayaran kepada orang ramai untuk menukar wang mereka supaya mereka boleh membayar persembahan mereka di Rumah Tuhan. Yesus sangat marah sehingga Dia membuat cambuk daripada tali, dan menghalau lembu, biri-biri, dan menghalau para penjual agar keluar dari bait suci. Dia berkata, "Keluar dari sini! Berani kamu menjadikan rumah Bapa saya sebagai pasar! Anak-anak, Yesus melakukan pembersihan rumah Tuhan yang sangat serius pada hari itu! Alkitab memberitahu kita bahawa kita adalah bait Tuhan dan Roh Tuhan tinggal di dalam kita (1 Korintus 3:16). Marilah kita mengingati bahawa kita adalah bait Tuhan dan Roh Kudus tinggal di dalam kita. Semoga kehidupan, perbuatan dan perkataan kita sentiasa mengikut kehendak-Nya!  
Salam Sayang  
Antie Melly

Cari 13 perbezaan pada gambar di bawah.

TIDAK TAHUKAH KAMU, BAHAWA KAMU ADALAH BAIT TUHAN DAN BAHAWA ROH TUHAN DIAM DI DALAM KAMU? (1 KORINTUS 3: 16)





# BELIA

## BELIA KATOLIK BERBAHASA IBRANI, ARAB BERKUMPUL MERAIKAN HARAPAN DAN PERPADUAN

**D**IER RAFAT: Pada hari Sabtu, 18 Oktober, hampir dua ratus orang muda dari seluruh Israel, dari Yerusalem, Tel Aviv, Haifa, Nazareth, dan Galilea berkumpul untuk Festival Belia yang dianjurkan oleh Vikariat Sto James untuk Katolik yang berbahasa Ibrani dengan kerjasama Pasukan Pelayan Belia Galilea.

Peserta yang berbahasa Ibrani dan Arab berkumpul untuk sehari penuh bagi doa, menyanyikan lagu-lagu pujian, bengkel, dan perbualan dalam Roh.

Festival itu dibuka dengan doa yang dipimpin oleh Fr Piotr Zelazko, Vikaris Patriarkal bagi Vikariat Sto James untuk Katolik yang berbahasa Ibrani, bersama dengan Fr Ramez Twal, paderi rohani bagi belia di Galilea.

Kata-kata berkat daripada para paderi ini mengundang belia untuk memulakan hari dengan hati terbuka, bersatu dalam iman, kegembiraan, dan keinginan untuk berkembang bersama sebagai satu Gereja.

Perkarangan biara berubah menjadi lautan warna yang menggembirakan. Orang muda mengecat pasu bunga dengan mesej keamanan, menyanyikan lagu pujian, mencipta gelang harapan, dan menulis doa peribadi mereka pada "Dinding Kata-kata Harapan."

"Kerana Dia, kita tetap dapat bertahan. Meskipun hidup dalam masa yang sukar, tetapi keinginan kita adalah untuk mencari jalan Yesus yang ada harapan, penyembuhan, sukacita dan kasih sayang," kata salah seorang peserta



### Pesanan Kardinal tentang Keberanian dan Iman

Kemuncak hari itu ialah ketibaan Kardinal Pierbattista Pizzaballa, Uskup Latin Yerusalem, dan Uskup Rafic Nahra, Vikaris Patriarkal untuk Israel, yang menyertai belia, mendengar pengakuan dan meraikan Misa Kudus.

Dalam khutbahnya, Kardinal bercakap dengan kehangatan dan realisme tentang apa maksudnya menjadi orang yang beriman di Tanah Suci hari ini.

"Iman Kristian bukan sekadar agama," kata Kardinal itu. Ia adalah cara hidup, cara untuk menjadi kehidupan. Bukan sahaja apa yang kita lakukan, tetapi bagaimana kita melakukannya, bagaimana kita meluahkan apa yang ada dalam hati kita.

Prelatus itu memuji keberanian anak-anak muda kerana menganjurkan pertemuan rohani sedemikian "ketika segala-galanya mengatakan sebaliknya," mengingatkan bahawa keputusan untuk mengadakan festival itu sangat tepat di tengah-tengah kekecewaan yang mendalam.

"Sekarang semua orang bercakap tentang keamanan dan perdamaian," tambahnya, "tetapi anda sudah percaya bahawa sesuatu yang baharu boleh bermula. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas keberanian anda."

Kardinal itu menggalakkan belia untuk tidak mendengar suara keraguan atau perpecahan, tetapi suara Yesus, yang berdoa "supaya mereka semua menjadi satu."

"Saling menyayangi—meskipun berlainan latar belakang malah menyayangi kerana perbezaan itu," katanya. "Jika kita semua sama, kita akan menjadi sangat membosankan!"

### Festival Harapan pada waktu sukar

Perbualan dalam bahasa Ibrani, Arab, dan Inggeris bercampur secara semula jadi. Festival itu merangkumi apa yang sering diusahakan oleh Gereja di Tanah Suci: persekutuan melangkaui sempadan bahasa, latar belakang, atau komuniti.

Fr Piotr Zelazko, Vikaris Patriarkal bagi Vikariat Sto James untuk Katolik yang berbahasa Ibrani, berkata bahawa "mungkin ini adalah satu-satunya tempat di dunia di mana Gereja berdoa dalam bahasa Ibrani dan bahasa Arab bersama-sama."

"Kami akan cuba untuk terus menyebarkan mesej perpaduan ke seluruh Tanah Suci," tambah Vikaris itu lagi. "Kita tidak boleh menyimpan cinta untuk diri sendiri," kata Kardinal Pizzaballa mengingatkan golongan belia. "Cinta, apabila disimpan, menjadi milik sendiri dan mati. Cinta berkembang apabila ia dikongsi, disumbangkan dan dibahagi. Meskipun dalam keadaan sukar, berbahagi kasih Tuhan menyebabkan kita gembira kerana kita dapat memberi sesuatu. Sesuatu yang begitu hebat sehingga kuasa kejahatan tidak dapat mengatasinya: Yesus Kristus."

Apabila senja menjelang, para belia berkumpul semula untuk penyembahan dan ibadat. Fr Benedetto Di Bitonto dan rakan-rakan pemuziknya mengetuai konsert pujian dan penyembahan.

Saat yang menyentuh hati apabila suara-suara bergema bersama dalam bahasa Ibrani, Arab, dan Inggeris, mencerminkan perpaduan dan kegembiraan yang telah memenuhi seluruh hari. **Media Vatikan**



## Berita singkat antarabangsa

### Stesen metro di Tehran, diberi nama "Perawan Suci Maria"

TEHRAN: Sebuah stesen metro yang baharu diubah suai di Tehran, telah dinamakan *Maryam-e Moghaddas*, yang bermaksud 'Perawan Suci Maria' dalam bahasa Parsi, sebagai penghormatan kepada bonda Yesus Kristus, yang dihormati kerana kesucian, kerendahan hati, dan pengabdianya kepada Tuhan.

Stesen ini menampilkan karya seni dan seni bina yang diilhamkan oleh motif tradisional

Parsi, serta simbolisme Kristian yang mencerminkan kedudukan Maria yang dihormati dalam agama dan budaya.

Stesen ini terletak berhampiran Katedral Armenia Saint Sarkis.

Stesen ini berdiri sebagai penghormatan yang bermakna kepada Perawan Maria, yang kehidupannya terus menginspirasi iman, kasih sayang, dan harapan bagi berjuta-juta umat beriman di seluruh dunia.

### Vatikan lantik Msgr Ignatius Wu sebagai Uskup Aukusilier Shanghai

SHANGHAI, China: Vatikan melalui Pejabat Akhbar Takhta Suci mengumumkan pentahbisan Msgr Ignatius Wu Jianlin sebagai Uskup Aukusilier Keuskupan Shanghai pada Oktober 15, 2025.

Pelantikan ini ialah sebahagian daripada proses kerjasama yang masih berterusan antara Vatikan dan Kerajaan China, berdasarkan perjanjian sementara tahun 2018 mengenai pelantikan uskup di negara tersebut.

Uskup Wu Jianlin ialah uskup dari Gereja "rasmi" China, yang berada di bawah pengawasan Persatuan Katolik Patriotik China — sebuah badan yang dikawal oleh Parti Komunis China (PKC).

Pelantikan ini telah disahkan secara rasmi oleh Sri Paus Leo XIV pada Ogos 11, 2025, selepas dipilih oleh Persatuan Katolik Pa-

triotik pada April lalu.

Dengan pelantikan ini, Uskup Wu menjadi uskup ketiga yang ditahbiskan di bawah persetujuan Sri Paus Leo XIV sejak penandatanganan perjanjian 2018.

Selain itu, pada September 2025, Beijing juga buat pertama kalinya mengiktiraf dua uskup dari "Gereja bawah tanah" yang selama ini setia kepada Roma — satu langkah yang dinilai sebagai kemajuan dalam hubungan diplomatik Vatikan-China.

Upacara pentahbisan Msgr Wu berlangsung di Katedral Shanghai, dipimpin oleh Uskup Joseph Shen Bin, pemimpin Keuskupan Shanghai dan juga Presiden Konferensi para Uskup China — organisasi yang belum diiktiraf secara rasmi oleh Vatikan. LICAS News

### Jenazah Sto Fransiskus dari Assisi bakal dipamerkan

ASSISI, Itali: Dalam peristiwa bersejarah yang penuh makna rohani, Gereja Katolik mengumumkan bahawa jenazah Sto Fransiskus dari Assisi akan dipamerkan secara terbuka buat kali pertama.

Pameran suci ini akan berlangsung dari Februari 22 hingga Mac 22, 2026.

Momen ini bertepatan dengan sambutan 800 tahun kewafatan santo pelindung Itali tersebut (1226–2026).

Pengumuman itu disampaikan dari *Loggia delle Benedizioni*, selepas Misa Kudus di Basilika Atas Assisi yang dipimpin oleh Msgr Camillo Cibotti, Presiden

Konferensi para Uskup Abruzzo dan Molise, diiringi oleh Kardinal Ángel Fernández Artime, Uskup Assisi, serta para pemimpin ordo Fransiskan.

Dalam homilinya, Msgr Cibotti menekankan "kebaharuan hidup" yang ditawarkan oleh Sto Fransiskus kepada dunia.

"Fransiskus menunjukkan cara baharu untuk merasai, berfikir, dan menghayati Kristus," katanya.

Dalam kesempatan yang sama, Datuk Bandar L'Aquila, Pierluigi Biondi, menyalakan Lilin Votif Bandar-bandar Itali, simbol perpaduan rakyat Itali dalam iman dan kasih. Media Katolik

### Paus Leo XIV dan Raja Charles berdoa bersama untuk pertama kalinya dalam sejarah

VATIKAN: Raja Charles III menjadi pemimpin Gereja England pertama yang berdoa bersama Sri Paus dalam upacara di Vatikan yang dipimpin oleh Sri Paus Leo XIV pada Oktober 23.

Upacara di Kapel Sistina, yang disiarkan secara langsung oleh perkhidmatan berita rasmi Vatikan, berlangsung semasa lawatan negara oleh raja berusia 76 tahun itu dan isterinya, Ratu Camilla.

Buat pertama kalinya seorang raja Inggeris yang sedang berkuasa berdoa bersama seorang Bapa Suci sejak raja

Inggeris Henry VIII memisahkan diri dari Gereja Romawi, 500 tahun lalu.

Dicetuskan oleh penolakan Sri Paus pada masa itu untuk membatalkan perkahwinan Henry supaya dia boleh berkahwin dengan wanita lain, perpecahan ini menjadikan raja sebagai ketua Gereja England yang berasingan.

Charles dan Camilla sebelum ini telah bertemu buat kali pertama dengan Sri Paus Leo XIV, yang mengambil alih kepimpinan 1.4 bilion umat Katolik dunia pada Mei selepas kematian Sri Paus Fransiskus. Ucanews

## Gereja Timor-Leste gembira kemasukan ASEAN



28<sup>TH</sup> ASEAN – JAPAN SUMMIT  
26 OCTOBER 2025, KUALA LUMPUR

## Harapan bagi kaum muda

DILI: Pemimpin Gereja di Timor-Leste memuji kemasukan negara itu ke dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) sebagai satu pencapaian penting yang penuh harapan, terutamanya bagi golongan muda yang mencari masa depan yang lebih baik.

"Terdapat jangkauan yang besar, harapan yang besar, terutamanya di kalangan golongan muda, yang melihat penyertaan sebagai pembukaan peluang baharu dan bermanfaat untuk pekerjaan dan masa depan," kata Fr Bento Pereira, jurucakap Persidangan Episkopal Timor Timur dan Pengarah Kebangsaan Persatuan Misi Kepausan, dalam temu bual dengan Agensi Berita *Fides*.

Beliau berkata negara itu "telah menunggu saat ini selama lebih 20 tahun," sambil menambah bahawa keahlian itu "menawarkan prospek untuk membangunkan pertukaran ekonomi yang boleh memberi manfaat kepada per-

tumbuhan Timor Leste dan membangunkan potensinya."

Fr Bento menekankan bahawa hubungan itu tidak akan menjadi sehalu. Ia bukan sahaja soal mengambil, tetapi juga memberi.

Timor Leste akan menyertai dan membangunkan identitinya, budayanya, sumbernya, dan juga agamanya, yang merupakan sebahagian penting dalam kehidupan kita," katanya.

Mengenai kebimbangan tentang penghijrahan, beliau menyatakan bahawa walaupun penghijrahan keluar mungkin meningkat, keahlian ASEAN juga boleh membawa peluang baharu untuk belajar dan bekerja di luar negara.

"Anak muda boleh pergi ke negara-negara Asia untuk belajar atau bekerja dan kemudian membawa balik kemahiran mereka ke sini," katanya.

Beliau menambah bahawa iman kekal menjadi teras identiti Timor, dengan berkata, "Apabila golongan

muda dan rakyat Timor pergi ke luar negara, mereka membawa iman dan budaya mereka bersama dan memeliharanya. Mereka tidak takut untuk menjadi saksi Injil.

Sementara itu, Kardinal Virgilio do Carmo da Silva dari Dili mengalu-alukan keputusan ASEAN tetapi menggesa kewaspadaan.

"Langkah ini secara automatik bermakna kemakmuran bagi negara," katanya.

"Keanggotaan ASEAN ialah saat kebanggaan bagi semua rakyat Timor."

"Tetapi ia juga bermakna bahawa kita mesti komited sepenuhnya dalam semua bidang, terutamanya pendidikan."

Timor-Leste, sebuah negara yang majoritinya beragama Katolik dengan penduduk seramai 1.3 juta orang, menjadi anggota ASEAN yang ke-11 semasa Sidang Kemuncak Kuala Lumpur pada Oktober 26. *Fides*

## Kristus milik orang yang rendah hati

VATIKAN: Semasa Misa untuk Jubli Pasukan Sinodal dan Badan Penyertaan di Basilika Sto Petrus, Sri Paus Leo XIV menjemput semua peserta untuk merenungkan "misteri Gereja."

Uskup Roma itu mengingatkan mereka bahawa Gereja bukan sekadar institusi keagamaan dengan hierarki dan struktur.

Sebaliknya, Gereja ialah "tanda yang kelihatan bagi perpaduan antara Tuhan dan manusia", di mana Tuhan menyatukan semua orang sebagai satu keluarga yang bersatu dalam kasih.

Melalui renungan maksud persekutuan Gerejawi — yang dicipta dan dipelihara oleh Roh Kudus — Sri Paus menjelaskan bahawa kita boleh mula memahami apakah fungsi pasukan sinodal dan badan penyertaan.

"Mereka berperanan untuk menyatakan apa yang berlaku dalam Gereja, di mana hubungan tidak bertindak balas terhadap logik kuasa tetapi terhadap logik cinta," sambil menegaskan bahawa perkara yang paling penting dalam komuniti

Kristian ialah kehidupan rohani.

### Cinta ialah perintah terutama

Di atas segalanya, Sri Paus Leo menggesa semua peserta untuk mengingati bahawa kasih sayang ialah peraturan tertinggi dalam Gereja.

"Tiada siapa dipanggil untuk mendominasi; semua dipanggil untuk berkhidmat," jelasnya, "Tiada siapa yang dikecualikan; kita semua dipanggil untuk mengambil bahagian."

Oleh sebab itu, kita semua dipanggil untuk mencari kebenaran sepenuhnya bersama-sama.

Jemputan kepada "kebersamaan" ini mengulangi seruan kepada persekutuan dalam Gereja.

Mengingati kata-kata pendahulunya iaitu mendiang Sri Paus Fransiskus, dalam pesanan Pra-Paskah terakhirnya, mendiang merenungkan idea "berjalan bersama".

Arwah Sri Paus Fransiskus menekankan bahawa "orang Kristian dipanggil untuk berjalan di sisi orang lain, dan tidak pernah sebagai pengembara yang bersendirian."

### Bersama tetapi bersendirian

Panggilan untuk berjalan bersama, seperti yang ditekankan oleh Paus Leo, ialah sesuatu yang hilang dalam perumpamaan orang Farisi dan pemungut cukai.

Walaupun mereka berada di tempat yang sama, mereka berpecah dan tidak berkomunikasi.

Kedua-duanya mengambil jalan yang sama, tetapi mereka tidak berjalan bersama. Kedua-duanya berdoa kepada Bapa, tetapi tanpa menjadi saudara dan tanpa mempunyai sebarang persamaan."

Sri Paus Leo memberi peringatan bahawa ini boleh berlaku dalam komuniti Kristian. Apabila ego mengatasi komuniti, membawa kepada individualisme yang menjadikan persaudaraan mustahil. Ia juga boleh berlaku apabila seseorang berfikir bahawa mereka lebih baik daripada orang lain.

"Kita memerlukan Tuhan dan antara satu sama lain. Kita perlu mendengar dan saling mengasihi serta menikmati berjalan bersama kerana Kristus milik orang yang rendah hati!" **Media Vatikan**

# Semua agama boleh menyumbang perkhidmatan kepada keadilan

VATIKAN: Sejak penerbitan “Proklamasi Konsili Vatikan II tentang Hubungan Gereja dengan Agama Bukan Kristian,” iaitu dokumen *Nostra Aetate*, enam puluh tahun lalu, “semua pendahulu saya telah mengutuk anti-semitisme (permusuhan dengan orang Yahudi) dengan jelas,” kata Sri Paus Leo XIV semasa Audiens Umum Rabu pada Oktober 29, di Dataran Sto Petrus.

Sri Paus juga menyatakan rasa terima kasihnya kepada pemimpin dan wakil pelbagai agama atas kehadiran mereka di Audiens Umum pada hari itu.

“Saya juga mengesahkan bahawa Gereja tidak bertoleransi terhadap anti-semitisme dan memerangnya, berdasarkan Injil itu sendiri”.

Dalam katekesisnya yang memberi tumpuan kepada kepentingan dialog antara agama, Sri Paus mencadangkan bagaimana pelbagai agama boleh bekerjasama untuk membina dunia yang lebih baik, dan juga menekankan kepentingan hubungan Yahudi-Katolik.

“Kita tidak boleh menafikan bahawa terdapat salah faham, kesukaran, dan konflik” sepanjang 60 tahun penerbitan *Nostra Aetate*, “tetapi ini tidak pernah menghalang dialog daripada berterusan,” katanya.

“Malah hari ini, kita tidak boleh membenarkan keadaan politik dan ketidakadilan sesetengah orang mengalihkan kita daripada persahabatan, lebih-lebih lagi telah banyak persepakatan yang telah kita capai setakat ini.”

## Enam dekad dialog Yahudi-Katolik

Sri Paus Leo menekankan bahawa “hari ini kita boleh melihat dengan rasa syukur kepada segala yang telah dicapai dalam dialog Yahudi-Katolik selama enam dekad



ini” sejak penerbitan *Nostra Aetate* pada tahun 1965.

“Ini bukan sahaja disebabkan oleh usaha manusia, tetapi juga bantuan Tuhan, yang menurut keyakinan Kristian, Dialah dialog itu sendiri,” sambungnya.

Prelatus itu menegaskan bahawa “fokus pertama” *Nostra Aetate* ialah “ke arah dunia Yahudi”.

“Buat pertama kalinya dalam sejarah Gereja, sebuah risalah doktrin mengenai akar Yahudi Kristianisme akan terbentuk, yang pada tahap alkitabiah dan teologi akan mewakili titik tanpa kembali,” katanya.

Beliau menjelaskan bahawa dokumen itu menekankan akar Yahudi Gereja Katolik, kerana “permulaan iman dan pemilihan Gereja sudah terdapat dalam kalangan Bapa Leluhur, Musa dan para nabi”.

Malah, mereka juga mengutuk sebarang bentuk anti-Semitisme “yang ditujukan terhadap orang Yahudi pada bila-bila masa dan oleh sesiapa sahaja” bukan kerana “alasan politik tetapi oleh kasih sayang rohani Injil”.

## Bidang agama yang boleh bekerjasama

Sri Paus kemudian berbicara tentang bidang yang boleh dilakukan bersama dengan pelbagai agama hari ini.

“Jawabannya mudah: kita boleh bertindak bersama,” katanya, sambil menambah bahawa “lebih daripada sebelumnya, dunia kita memerlukan perpaduan, persahabatan dan kerjasama kita.”

Antara cadangan yang dikemukakan oleh Sri Paus Leo tentang bidang yang boleh diusahakan bersama dengan pelbagai agama ialah bekerjasama untuk menyumbang mengurangkan penderitaan manusia dan menjaga bumi berama; mengajar kebenaran, belas kasihan, perdamaian, keadilan dan keamanan; menegaskan semula “perkhidmatan kepada kemanusiaan, pada setiap masa.

Prelatus itu juga mencadangkan agar pelbagai agama bekerjasama agar tidak menyalahgunakan nama Tuhan untuk menyebarkan agama lain serta mempromosi dialog yang membina kerukunan dan kerjasama bagi mengakhiri ekstremisme agama. **Media Vatikan**

## Jus rohani untuk jiwa

## Bebaskan diri daripada dendam kesumat

Rasa dendam, emosi yang berbahaya yang bukan sekadar perasaan terluka, tetapi keinginan agar orang lain turut merasakan kesakitan yang kita rasai.

Dari sudut pandangan rohani, dendam itu seperti rantai yang tidak kelihatan tetapi mengikat kita. Tanpa sedar, setiap kali kita teringat peristiwa menyakitkan, kita memupuk fikiran balas dendam atau kepuasan atas kejatuhan orang lain dan lama kelamaan jiwa kita menjadi tanah subur untuk kepahitan, menutup diri daripada menerima damai dan tindakan Tuhan.

Selagi kita menyimpan dendam, kita juga menyimpan luka yang terbuka. Dan luka yang terbuka, terdedah kepada racun kemarahan dan keinginan untuk membalas dendam, menjadi dijangkiti.

## Menyerah diri kepada Tuhan

Melepaskan dendam tidak bermakna kita memaksa diri untuk melupakan ketidakadilan tetapi mengakui bahawa keadilan yang sempurna adalah milik Tuhan, bahawa Dia mampu melihat setiap butiran apa yang berlaku.

Berdoalah, “Tuhan, saya menyerah. Saya tidak mahu lagi hidup saya berputar di sekeliling luka ini. Saya percaya bahawa Engkau lebih tahu untuk menanganinya,

lebih baik daripada saya.”

## Memaafkan adalah mempercayai.

Mempercayai adalah berehat atau berundur. Apabila kita melepaskan peranan hakim daripada tangan kita dan me-



letakannya di tangan Tuhan, kita memberi ruang kepada-Nya untuk membawa perubahan yang sebenar.

Dendam memenjarakan; pengampunan membebaskan kita. Pengampunan tidak mengubah masa lalu, tetapi ia mengubah

sepenuhnya cara kita menghadapi masa depan.

## Fahami asal usul kesakitan

Tanya diri sendiri: apa sebenarnya yang menyakitkan saya? Adakah ia sikap atau kata-kata orang itu, ketidakadilan, atau kekurangan pengiktirafan?

Memisahkan kesakitan sebenar daripada apa yang kita bayangkan membantu kita menanganinya dengan cara yang lebih sedar dan kurang impulsif.

## Berdoa spontan bagi mereka yang menyakiti hati kita

Itu tidak mudah, tetapi ia membebaskan. Mulakan dengan meminta Tuhan menjaga hati orang itu. Pada mulanya, ia mungkin doa yang mekanikal, tanpa perasaan. Tetapi dari masa ke masa, amalan ini memecahkan rantaian yang tidak kelihatan dan membuka ruang untuk keamanan.

## Ganti pemikiran lama dengan pemikiran baharu

Setiap kali peristiwa yang menyakitkan itu terlintas di fikiran, secara sedar pilih untuk memikirkan sesuatu yang membina sebagai gantinya.

Ia boleh jadi ayat suci, kenangan indah, atau doa pendek seperti, “Ya Tuhan, aku berserah.” Ini menghalang luka daripada terbuka semula berulang kali. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

## Bersahabat dengan agama lain

Saya mengenal dokumen Konsili Vatikan II tentang dialog atau hubungan Gereja dengan agama-agama bukan Kristian — *Nostra Aetate* (NA) kira-kira 30 tahun lalu.

Dokumen ini, meskipun sudah berusia enam puluh tahun, namun masih relevan dan signifikan bagi pembangunan dialog antara agama dan perdamaian di dunia ini, khususnya Gereja Malaysia.

Mengimbas kembali sejarah, pada Oktober 28 1965, mendiang Sri Paus Paulus VI melalui Konsili Vatikan II mengesahkan dokumen yang menjadi rujukan umat Katolik dalam membangun dialog dan perdamaian antara agama.

Apa yang signifikan dan relevan dokumen ini dengan Gereja-gereja Katolik di Malaysia? Apa yang pasti, wujud kerjasama dan dialog dengan Gereja-gereja denominasi Kristian dan tradisi agama yang lain.

Saya mengamati, yang menarik, melalui dokumen ini, Gereja Katolik mengajak umatnya untuk menghormati agama-agama dan tradisi-tradisi iman yang ada.

Bahkan dikatakan secara eksplisit dalam artikel dua: “Gereja Katolik tidak menolak sesuatu pun yang dalam agama-agama ini benar dan kudus. Dengan penghormatan tulus, ia memandang cara-cara bertindak dan hidup itu, norma-norma dan ajaran yang meskipun dalam banyak hal berbeza dengan yang dianutnya dan tak dikemukakannya sendiri; tetapi sering mencerminkan pantulan Kebenaran, yang menerangi semua orang.”

Bahkan artikel 5 berbicara tentang penolakan setiap diskriminasi, “...Gereja menolak setiap diskriminasi atau penindasan terhadap manusia kerana alasan bangsa atau warna, status atau agama sebagai bertentangan dengan semangat Kristus.”

Saya yakin, pernyataan atau semangat semacam itu juga ada dalam agama atau pun tradisi-tradisi iman yang lain. Maka, jika semangat-semangat itu disatukan dan bermuara dalam satu perjumpaan, tentu peradaban kasih yang diwarnai persaudaraan akan terjadi.

Namun begitu, meskipun Sri Paus Leo sendiri memuji *Nostra Aetate* sebagai peta jalan yang menawarkan perdamaian, namun sebagai penganut minoriti di negara ini, saya masih belum dapat mendalami semangat *Nostra Aetate*.

Misalnya tidak lama dahulu, sekolah rendah yang pernah saya hadiri, yang kebanyakannya dihadiri murid Kristian, kini didirikan sebuah rumah ibadat agama lain.

Akibatnya, ramai ibu bapa yang memindahkan anak mereka ke sekolah lain. Perubahan drastik itu menyebabkan sekolah rendah itu kekurangan murid, meskipun mempunyai kemudahan serta guru-guru yang mahir.

Tindakan ini mungkin mahu melindungi iman anak-anak. Tetapi ia juga menjadikan anak-anak selesa alam “zon” yang cuba kita bina. Namun sehingga bila kita dapat membina “kandang” kukuh untuk anak-anak ini?

*Nostra Aetate* mengajak kita untuk tidak menolak dan memusuhi agama berbeza, dokumen ini menjadi inspirasi yang kuat bagi pembangunan perdamaian. Tetapi mungkin disebabkan banyak peristiwa ‘hitam’ ditempat sendiri, menjadi penghalang untuk menjiwai *Nostra Aetate*.

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.**  
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my)

atau  
WhatsApp: 011-26391498



## Perhimpunan pastoral paroki Sandakan fokus "persaudaraan sejagat"

SANDAKAN: Perhimpunan Pastoral Paroki kali keenam telah dibuka secara rasmi pada Oktober 25, 2025, oleh Fr David A. Garaman.

Seramai 50 orang perwakilan mengambil bahagian dari Katedral St Mary, Gereja St Mark, dan Kapel St Peter.

Perhimpunan tahun ini, yang dianjurkan di bawah kepimpinan Majlis Pastoral Paroki, dengan menumpukan pembelajaran ensiklik *Fratelli Tutti*.

Dalam ucapan pembukaannya, Fr David memperkenalkan ensiklik itu, menjelaskan bahawa *Fratelli Tutti*, yang ditulis oleh mendiang Sri Paus Fransiskus pada Oktober 4, 2020, terus memberi inspirasi kepada dunia sebagai surat rasmi yang ditujukan kepada semua umat Katolik di seluruh dunia.

Beliau berkongsi bahawa dokumen itu menangani isu-isu mende-

sak yang berkaitan dengan iman, keadilan sosial, alam sekitar, keamanan, dan ajaran utama Gereja yang lain.

Melalui *Fratelli Tutti*, Sri Paus Fransiskus menegaskan bahawa manusia diciptakan Tuhan setara dalam hak, kewajiban, dan martabat, serta dipanggil untuk hidup berdampingan sebagai saudara.

Fr David menekankan bahawa ensiklik itu, yang diilhamkan oleh Sto Fransiskus dari Assisi, menyeru semua orang untuk hidup sebagai saudara dan saudari, bersatu dalam persaudaraan, memupuk persahabatan sosial dan cinta sejagat.

Ensiklik itu mengingatkan umat beriman bahawa setiap orang Kristian dijemput untuk terus bertobat dan membantu membina dunia yang berakar umbi dalam harapan dan saling menghormati.



Mendiang Bapa Suci Fransiskus telah menggesa semua umat Katolik untuk menolak konflik, penguasaan, perpecahan, perang

dan sikap tidak peduli sebaliknya untuk menerima perpaduan, belas kasihan, dan kerjasama.

Bapa Suci telah membayangkan kemanusiaan yang melampaui halangan agama, budaya, dan kewarganegaraan, supaya semua dapat bekerjasama sebagai satu keluarga di bawah bimbingan Tuhan.

Fr David menggalakkan semua orang untuk melihat Gereja sebagai komuniti yang berjalan bersama dalam iman, mengingatkan para perwakilan bahawa "kita semua berada dalam bot yang sama, dan tiada siapa yang patut berjalan bersendirian."

Beliau mengakhiri penerangannya tentang *Fratelli Tutti* dengan

menjemput para peserta untuk merenung secara mendalam tentang realiti dunia hari ini dan mempertimbangkan bagaimana setiap orang, sebagai sebahagian daripada Gereja universal, boleh bertindak balas dengan cinta, perpaduan, dan tindakan yang diilhamkan oleh mesej *Fratelli Tutti*.

Perhimpunan itu berakhir lebih kurang pukul 3.40 petang.

Perhimpunan Pastoral Paroki diadakan setiap tahun dan bukan hanya untuk pemimpin Gereja, tetapi untuk semua umat awam, memberikan peluang kepada semua orang untuk menyumbang secara aktif kepada kehidupan Gereja.



## AMNEC bantu 41 umat jadi misionari penginjilan

KUALA LUMPUR: Lima orang ahli dari Misi Keuskupan Agung Penginjilan Baharu untuk Kristus (AMNEC), mengambil bahagian dalam persidangan dan latihan di Manila, Filipina.

Program itu dikendalikan oleh Pergerakan *Catholic Christian Outreach* (CCO) dari Kanada. Sesi diketuai sendiri oleh pengasas CCO iaitu, Andre, Angele Regnier serta Benjamin Turland, yang telah berkarya dalam penginjilan di seluruh dunia, selama 38 tahun.

Melalui latihan dan persidangan, para peserta AMNEC mendapati tidak sukar mendalami penginjilan jika ia berasaskan hubungan yang tulus dengan Yesus dan memupuk kehidupan doa.

Aspek penting CCO ialah penggunaan buku kecil *The Ultimate Relationship* untuk membimbing orang lain kepada pertaubatan dan menjemput mereka untuk meletakkan Yesus di tengah-tengah kehidupan mereka.

Selain sesi di dalam kelas, ahli-ahli AMNEC dijemput untuk men-

galami kehidupan misionari dengan melawat *Fondacio*, sebuah komuniti Kristian yang memupuk kepimpinan, iman, dan tanggungjawab sosial dalam kalangan belia.

Selain *Fondacio*, mereka juga melawat Komuniti Misionari Santo Paulus Rasul (MCSPA), yang diketuai oleh Fr Francis Teo

di Manila.

MCSPA amat komited untuk mempromosikan pembangunan menyeluruh insan, terutamanya dalam kalangan golongan termiskin.

Pasukan AMNEC menyertai para misionari melawat kawasan setinggan, satu pengalaman yang

membuka mata yang mendedahkan wajah Kristus dalam kalangan mereka yang menderita dalam senyap.

Semasa lawatan mereka, pasukan itu juga bertemu dengan Patrick Groom dari Malawi, seorang misionari MCSPA, dan Joel Jeremiah, seorang remaja berusia

18 tahun dari Johor, Malaysia, yang menjawab panggilan untuk menyertai komuniti misionari sepenuh masa.

Kesaksian mereka tentang iman dan perkhidmatan menjadi peringatan yang kuat bahawa Tuhan terus membangkitkan misionari dari setiap pelosok dunia, malah dari kalangan belia Malaysia sendiri untuk membawa harapan dan cahaya kepada orang lain.

Selepas lima orang ahli AMNEC menerima latihan di Manila, pada Oktober 18, 2024, 41 orang ahli AMNEC secara rasmi menerima Sijil dan Pentauliah semasa Misa Senja di Gereja St Francis of Assisi, Cheras, yang dipimpin oleh Fr Paul Cheong dan Fr Eugene Benedict.

41 peserta AMNEC yang telah ditauliahkan sebagai murid Misionari selepas menghabiskan Siri Iman CCO (Penemuan, Sumber dan Tauliah) yang membantu mereka menjadi misionari penginjilan dalam paroki dan komuniti mereka.

